



**INOVASI PAKAIAN HOSPITAL IBU MENGANDUNG SEMASA  
BERSALIN**

**Noor Haziha Binti Mohammad**

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian  
(Teknologi Seni Reka)  
2018**

**INOVASI PAKAIAN IBU MENGANDUNG**

**SEMASA BERSALIN**

**NOOR HAZIAH BINTI MOHAMMAD**

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian  
Teknologi Seni Reka

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
2018

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: \_\_\_\_\_

Final Year Project Report

Please tick (✓)

Masters

PhD

✓

**DECLARATION OF ORIGINAL WORK**

This declaration is made on the 06 day of June 2018.

**Student's Declaration:**

I **NOOR HAZIAH BINTI MOHAMMAD, 52894. FACULTY OF APPLIED AND CREATIVE ARTS** hereby declare that the work entitled, **INOVASI PAKAIAN IBU MENGANDUNG SEMASA BERSALIN** is my original work. I have not copied from any other student's work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text nor has any part been written for me by another person.

5/6/2018

Date submitted

NOOR HAZIAH BINTI MOHAMMAD

Name of student (Matric No.52894)

**Supervisor's Declaration:**

I Professor **Madya Dr Musdi bin Hj Shanat** hereby certifies that the work entitle **INOVASI PAKAIAN IBU MENGANDUNG SELEPAS BERSALIN** was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a \* partial/full fulfilment for the conferment of **IJAZAH SARJANA MUDA SENI GUNAAN DENGAN KEPUJIAN (TEKNOLOGI SENI REKA)** and the aforementioned work. to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by:

  
\_\_\_\_\_  
Profesor Madya Dr Musdi bin Hj Shanat

Date:

06/06/2018



I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)).

**CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)

**RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)\*

**OPEN ACCESS**

#### Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature



Supervisor signature:



Assoc. Prof. Dr Musdi Hj Shanai  
Deputy Dean Undergraduate  
Faculty of Applied and Creative Arts  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Current Address:

Kg, BANGGOL GAJAH MATI,  
17000, PASIR MAS,  
KELANTAN.

Notes: \* If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restricted.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

Projek bertajuk '**Inovasi Pakaian Ibu Mengandung semasa Bersalin**' telah disediakan oleh **Noor Haziah binti Mohammad** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Program Teknologi Seni Reka**).

Diterima untuk diperiksa oleh:



---

(Professor Madya Dr Musdi bin Hj Shanat)

Tarikh:

06/06/2018

## SENARAI KANDUNGAN

<b>Halaman tajuk</b>	<b>Muka Surat</b>
Borang Pengesahan status laporan	i
Pengesahan	ii
Pengakuan	iii
Penghargaan	iv
Senarai kandungan	v
Abstrak	
<b>BAB 1 LATAR BELAKANG PENYELIDIKAN</b>	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Penyataan Masalah	2
1.2 Objektif Penyelidikan	2
1.3 Persoalan Penyelidikan	3
1.4 Skop Penyelidikan	3-4
<b>BAB 2 SOROTAN PENYELIDIKAN</b>	
2.0 Pengenalan	5-8
2.1 Reka Bentuk Pakaian Hospital Ibu Mengandung	8-9
2.2 Fungsi Pakaian Hospital Ibu Mengandung	10-12
2.3 Konsep Pakaian Mengandung Wanita Muslimah	12-13
2.4 Faktor Keselamatan	15-16
2.5 Faktor Kebersihan Melalui Pemakaian Hospital untuk Pesakit	16-18
2.6 Kepentingan Pemilihan Material untuk Pakaian Semasa Bersalin	19
2.7 Jenis Bukaian yang perlu ada pada Rekaan Pakaian Semasa dan Selepas Bersalin.	20

### **BAB 3 METADOLOGI PENYELIDIKAN**

3.0 Pengenalan	21
3.1 Metodologi Penyelidikan	21
3.1.1 Kaedah Pemerhatian	21-23
1. Pemerhatian melalui forografi	23-25
3.1.2 Kaedah Temuramah	26
3.1.3 Borang Soal Selidik	26-27
3.1.4 Pembacaan	27-28
3.1.5 Sumber Jurnal	28-29
3.1.6 Laman Web	29

### **BAB 4 HASIL DAPATAN PENYELIDIKAN**

4.0 Pengenalan	30
4.0.1 Kaedah Temubual	31-33
4.0.2 Pemerhatian	34
4.0.3 Borang Soal Selidik	35-47
4.1 Kesimpulan	47

### **BAB 5 PRODUK AKHIR**

5.0 Pengenalan	48
5.1 Perkembangan Idea	
5.1.1 Konsep	48
5.2 Spesifikasi Reka Bentuk	49-50
5.3 Cadangan Reka Bentuk	51-54
5.4 Reka Bentuk Akhir	55-62

### **BAB 6 VALIDASI PRODUK**

6.0 Pengenalan	63
6.1 Proses Validasi	64-66
6.2 Kekuatan atau Kelemahan Produk	64



6.3 Kekangan Produk	65
7.0 Kesimpulan	67-68
Rujukan	69-79

## **ISI KANDUNGAN FIGURA**

Figura 2.1.1 : Menunjukkan reka bentuk pakaian maternity untuk Wanita mengandung di hospital .Sumber: Amazon.com	10
Figura 2.3.1 : Menunjukkan reka bentuk seluar bersalin mesra muslimah. Sumber: Berita Harian, 'Inovasi Seluar Bersalin, Materna Pants'.	14
Figura 2.3.2 : Antara reka bentuk seluar bersalin mesra muslimah.Sumber Mamapride.com.	14
Figura 3.1.1 : (1) Menunjukkan antara perkhidmatan pesakit luar kepada ibu Mengandung.Sumber: Fakulti Perubatan dan Kesihatan, Universiti Malaysia Sarawak.	23
Figura 3.1.1 : (2) Menunjukkan reka bentuk pakaian ibu mengandung yang berada di wad pemulihan. Sumber: Hospital Umum Sarawak.	24
Figura 3.1.1 : (3) Antara pakaian hospital yang dibekalkan oleh pihak hospital. Sumber: Hospital Besar Tanah Merah, Kelantan.	25
Figura 4.1.1 : Jadual menunjukkan jumlah peringkat umur wanita yang melahirkan bayi.	36
Figura 4.1.2 : Jadual menunjukkan jenis kelahiran bayi di hospital.	37
Figura 4.1.3 : Jadual menunjukkan peratusan jenis tempat kelahiran bayi.	
Figura 4.1.4 : Jadual menunjukkan bilangan anak wanita yang melahirkan bayi.	39
Figura 4.1.5 : Jadual menunjukkan tahap kepuasan hati terhadap reka bentuk pakaian hospital untuk ibu mengandung semasa melahirkan bayi.	41
Figura 4.1.6 : Jadual menunjukkan tahap keselesaan pakaian hospital ibu mengandung semasa bersalin.	42

Figura 4.1.7: Jadual menunjukkan jenis material kain yang sesuai untuk ibu mengandung semasa bersalin.	43
Figura 4.1.8: Jadual menunjukkan penggunaan fungsi reka bentuk pakaian.	45
Figura 4.1.9: Jadual menunjukkan pakaian ibu mengandung muslimah yang berkonsepkan Islam.	49
Figura 5.2.1: Menunjukkan lakaran pakaian bagi baju yang mengfokuskan di bahagian penyusuan bayi.	57
Figura 5.2.2: Menunjukkan idea bagi lakaran pakaian di bahagian penyusuan dan gabungan penggunaan kedut <i>plate</i> di bahagian abdomen baju.	52
Figura 5.2.3: Menunjukkan lakaran gabungan penutup kepala <i>hoddie</i> bersama dengan baju ibu mengandung.	52
Figura 5.2.4: Menunjukkan lakaran bagi idea gabungan baju, seluar dan tudung.	54
Figura 5.2.5: Menunjukkan idea bagi seluar yang melibatkan bahagian perineum wanita.	54
Figura 5.3.1: Menunjukkan reka bentuk produk inovasi pakaian ibu mengandung semasa bersalin.	55
Figura 5.3.2: Menunjukkan reka bentuk pakaian di bahagian penyusuan bayi.	55
Figura 5.3.3: Menunjukkan reka bentuk penutup kepala <i>hoddie</i> yang digabungkan beserta dengan tudung.	57
Figura 5.3.4: Menunjukkan kawasan suntikan di bahagian paha wanita dan kawasan perineum.	58
Figura 5.3.5: Menunjukkan penggunaan getah berlubang di bahagian perineum wanita.	59
Figura 5.4.1: Proses penghasilan pola pakaian.	60
Figura 5.4.2: Menunjukkan proses penghasilan tuai pakaian.	61
Figura 5.5.3: Menunjukkan proses terakhir jahitan untuk pakaian	62
Figura 5.5.4: Produk akhir inovasi pakaian hospital ibu mengandung semasa bersalin	62

- Figura 6.1.1 : Hasil daripada proses validasi dan temubual bersama Dr Mardiana  
bt Kipli, Sumber: Fakulti Perubatan dan Kesihatan, Universiti Malaysia  
Sarawak. 64
- Figura 6.1.2 : Proses pengaksesan pakaian di Universiti Malaysia Sarawak. 65

## PENGHARGAAN

Inovasi Pakaian Hospital Ibu Mengandung Semasa Bersalin merupakan penyelidikan ilmiah dengan tujuan untuk memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (Teknologi Seni Reka). Melalui penyelidikan ini, diharap mendapat manfaat oleh setiap generasi menerusi bidang penyelidikan ini.

Sekalung ucapan terima kasih ditujukan kepada kedua-dua ibu bapa saya iaitu Mohammad bin Sulaiman dengan Sariha bt Harun serta adik beradik saya yang memberi semangat dan bantuan daripada segi kewangan bagi menyiapkan penyelidikan ini.

Di samping itu juga, penghargaan terima kasih juga ditujukan untuk penyelia saya iaitu Proffesor. Madya Dr Musdi Bin Hj Shanat yang menjadi tulang belakang kepada penyelidikan saya yang memberi bimbingan dan pendapat bagi memastikan penyelidikan ini dijalankan dengan lancar. Tidak lupa juga kepada pensyarah-pensyarah lain yang turut serta memberi pendapat melalui penyelidikan ini iaitu Pn Faridah , Encik Muhiyidin , Pn Maizatul Nurhuda dan Dr Saiful.

Seterusnya, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak jururawat serta Doktor pakar bahagian Pakar Sakit Puan daripada Universiti Malaysia Sarawak, Klinik Kesihatan Umum Sarawak, Klinik Kesihatan Umum Ayer Lanas Kelantan dan Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia Sungai Buluh (LLKIM), Selangor kerana sudi memberi maklumat serta tidak lupa juga kepada rakan-rakan saya yang turut memberi kerjasama bagi membantu saya memudahkan lagi proses penyelidikan ini.

## **ABSTRAK**

### **INOVASI PAKAIAN HOSPITAL IBU MENGANDUNG SEMASA BERSALIN**

**Noor Haziah Bt Mohammad,**

**pensyarah : Proffesor Dr Musdi Bin Hj Shanat**

Kementerian kesihatan Malaysia sentiasa berusaha meningkatkan kualiti perubatan negara bagi memastikan urusan kebajikan rakyat diutamakan sepertimana yang dijelaskan oleh Mantan Menteri Kesihatan Negara iaitu Datuk Seri Dr. S. Subramaniam yang menjelaskan insentif berkenaan melanjutkan latihan kepakaran dalam bidang perubatan dan meningkatkan mutu dalam bidang perubatan. Kenyataan ini menjelaskan bahawa isu kesihatan diberikan keutamaan. Selaras dengan penyelidikan yang dijalankan “Inovasi Pakaian Hospital Ibu Mengandung Semasa Bersalin” merupakan suatu penyelidikan bagi meningkatkan produktiviti mutu perubatan negara dan memberi kemudahan kepada wanita muslimah yang mementingkan penjagaan aurat. Penyelidikan ini juga dilakukan melalui dua kaedah iaitu kaedah kuantitatif dan kualitatif sebagai pelengkap kepada pengumpulan data yang dijalankan. Berdasarkan hasil dapatan penyelidikan ini maklumat dianalisis dan disokong oleh teori-teori dapatan kajian lepas yang mempunyai kaitan dengan penyelidikan ini.

## BAB 1

### LATAR BELAKANG PENYELIDIKAN

Pemakaian hospital untuk pesakit atau dipanggil sebagai pakaian maternity *maternity garment* iaitu sut atau pakaian yang dipakai semasa berada di wad materiti dan semasa melahirkan anak. Pemakaian maternity ini disediakan oleh pihak jururawat kepada pesakit dan dijadikan kelengkapan di hospital. Pakaian ini meliputi kesesuaian pada pesakit iaitu daripada sudut keselesaan kepada pesakit dan direka mengikut keadaan pesakit sebagai contohnya pesakit wanita yang mengandung berbeza rekaannya daripada pesakit yang lain. Inisiatif kepada kelengkapan di hospital amat penting bagi memberikan keselesaan daripada aspek terutamanya dalam bidang perubatan yang perlu ditingkatkan kualiti produknya supaya berdaya saing dengan negara luar.

Berdasarkan setiap rawatan di hospital menjadi tugas dan tanggungjawab yang penting kepada golongan kaki tangan hospital. Dengan itu, setiap pesakit yang mengalami kecemasan diberikan kelengkapan yang sepenuhnya oleh pihak kaki tangan hospital iaitu jururawat yang sentiasa memastikan kelengkapan pesakit diutamakan dalam segenab aspek. Menerusi pelan strategik Kementerian Kesihatan Negara sentiasa berusaha meningkatkan perkhidmatan dalam bidang perubatan sebagai contoh perkhidmatan subspesialisasi iaitu perkhidmatan prasarana dalam bidang perubatan yang boleh memberikan keselesaan kepada kebajikan rakyat.

## 1.1 PENYATAAN MASALAH

Kelengkapan ibu mengandung semasa bersalin disediakan oleh pihak hospital, namun terdapat kekurangan dalam setiap aspek.

1. Golongan wanita Islam amat mementingkan penjagaan aurat semasa proses pembedahan dijalankan di hospital.
2. Menyukarkan prosedur doktor untuk mengakseskan bahagian yang akan dibedah atau kelahiran bayi secara normal.
3. Cara pakaian yang boleh menimbulkan lelukan kerana perut ibu mengandung yang besar.

## 1.2 OBJEKTIF PENYELIDIKAN

1. Mengenalpasti reka bentuk pakaian ibu mengandung semasa menjalankan prosedur kelahiran bayi secara normal dan secara *caesaraean (c-section)*.
2. Mencadangkan rekaan pakaian ibu mengandung semasa bersalin yang menepati syariat Islam dan memenuhi ciri-ciri ergonomik untuk pakaian.
3. Menganalisis reka bentuk pakaian yang menekankan alemen keselesaan dan nilai tambah rekaan untuk pakaian ibu semasa dan selepas bersalin.

### **1.3 PERSOALAN PENYELIDIKAN**

1. Adakah reka bentuk pakaian ibu mengandung sebelum dan selepas bersalin menepati kriteria ibu mengandung.
2. Inovasi pakaian ibu mengandung semasa bersalin adakah mampu menepati syariat Islam dan ciri-ciri ergonomik untuk pakaian.
3. Mampukah inovasi pakaian ibu mengandung semasa bersalin mempunyai elemen keselesaan dan nilai tambah rekaan untuk pakaian ibu mengandung semasa dan selepas bersalin.

### **1.4 SKOP PENYELIDIKAN**

Inovasi Pakaian Hospital Ibu Mengandung Semasa Bersalin merupakan penyelidikan yang melibatkan organisasi perubatan. Hal ini secara tidak langsung penglibatan terhadap bidang perubatan dijadikan fokus yang penting terhadap penyelidikan ini. Dengan itu, skop penyelidikan ini telah dijalankan di Klinik Kesihatan Umum Ayer Lanas, Jeli, Kelantan iaitu melibatkan bahagian Kesihatan Ibu dan Anak dan di Fakulti Perubatan, Universiti Malaysia Sarawak. Selain itu juga, tinjauan ke Hospital Umum Kuching, Sarawak juga dijalankan bagi melihat keadaan wanita mengandung semasa berada di wad pemulihan turut dijadikan maklumat penting melalui kaedah pemerhatian. Skop penyelidikan ini dijalankan bagi mendapatkan maklumat dengan tepat berkenaan dengan penyelidikan iaitu semasa rawatan pesakit luar bagi ibu dan anak.



Secara jelasnya, perkhidmatan kesihatan diperlukan oleh golongan wanita yang mengandung bagi mendapatkan rawatan semasa fasa-fasa kehamilan melalui pemeriksaan kesihatan seperti ujian darah, pemeriksaan perut dan pemeriksaan berat badan. Berdasarkan skop penyelidikan ini juga, pengumpulan data dan maklumat dijalankan bagi memudahkan penyelidik untuk mendapatkan informasi sebagai bahan penyelidikan iaitu melalui kaedah temubual, pengagihan borang soal selidik dan kaedah pemerhatian. Dengan itu, maklumat dikumpulkan sebagai bahan bukti dan dijadikan rujukan kepada penyelidik.

## BAB 2

### SOROTAN PENYELIDIKAN

#### 2.0 PENGENALAN

Peningkatan jumlah penduduk di Malaysia semakin meningkat ekoran dengan perkembangan tahap kesihatan khususnya dalam bidang perubatan taraf kesihatan penduduk sebagai contohnya melalui Jabatan Perangkaan Malaysia yang menerbitkan Anggaran Penduduk Semasa Malaysia pada tahun 2017 menganggarkan data penduduk pertengahan tahun pada tahun 2016 dan 2017 yang berasaskan data Banci dengan mengambil kira tiga komponen utama perubahan penduduk iaitu kelahiran, kematian dan migrasi. Peningkatan jumlah penduduk Malaysia mulai meningkat 1.3% kepada 32.0 juta orang pada 2017 dan ini menunjukkan kadar kelahiran di Malaysia mulai meningkat dan diikuti perkembangan teknologi perubatan yang memberi perkembangan yang positif. Kesimpulan yang boleh dibuat, melalui perkembangan perubatan di Malaysia mulai meningkat sejajar dengan perkembangan teknologi semasa tertumpu kepada teknologi perubatan. (Jabatan Perangkaan Malaysia, 14 Julai 2017)

Pertumbuhan penduduk negara dibuat dengan melihat kadar kelahiran yang tinggi di negara ini. Sejalan dengan kenyataan ini, Jabatan *Obsetrical and Gynaecological (OGSM)* atau dikenali dengan *Obstetik and Ginekologi* merupakan satu bidang yang pakar dalam menjaga wanita semasa mengandung sehinggalah melahirkan anak terutamanya dalam penjagaan diagnosis dan rawatan organ pembiakan wanita. Semamangnya kemudahan yang disediakan oleh pihak hospital merupakan satu kelengkapan yang penting terutamanya kelengkapan daripada sudut perubatan, keselamatan, pemakanan dan kelengkapan pakaian menjadi kemudahan asas yang mesti ada di

setiap hospital. Bagi unit Obstetik dan Ginekologi, penjagaan wanita yang mengandung dan bersalin sangat dititikberatkan terutamanya melalui aspek kesihatan semasa rawatan dan kelengkapan perlu dipertimbangkan. Berdasarkan aspek kebersihan dirujuk melalui kelengkapan asas yang disediakan seperti pakaian dan peralatan pembedahan. Aspek ini sangat penting kerana kelengkapan ini menjadi agen penyebaran bakteria sekiranya tidak dikawal. Oleh itu, kelengkapan ini perlu distreilkan setelah digunakan bagi mengelakkan tindakan bakteria berlaku semasa kelahiran bayi.

Inovasi pakaian hospital ibu mengandung semasa melahirkan bayi merupakan satu inovasi pakaian yang direka bagi memenuhi aspek pemakaian hospital yang bercirikan Muslimah iaitu yang meminimumkan pendedahan aurat untuk wanita muslimah di samping memenuhi penggunaan fungsi yang penting iaitu memudahkan pemakaian kepada ibu mengandung dan memudahkan prosedur doktor atau jururawat untuk mengakses pakaian tersebut. Inovasi pakaian ini juga direka mengikut keperluan semasa di negara ini yang majoriti penduduknya yang ramai beragama Islam iaitu wanita muslim dan inovasi pakaian ini memberi kemudahan wanita Islam yang mementingkan penjagaan aurat. Selain daripada itu, kenyataan ini juga dijelaskan melalui konsep pengambilan hukum darurat seperti mana yang difirman oleh Allah S.W.T:

*“ Sesungguhnya Allah S.W.T hanya mengharamkan bagimu bangkai, darah, daging babi, dan binatang yang (ketika disembelih) disebut (nama) selain Allah S.W.T. [108]. Tetapi barang siapa dalam keadaan terpaksa (memakannya) sedangkan dia menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas, maka tidak ada dosa baginya. Sesungguhnya Allah S.W.T Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.*

( Surah al- Baqarah, 2:173)

Berdasarkan surah al-Baqarah yang dijelaskan bahawa Allah S.W.T tidak memberi bebanan kepada setiap umatnya kerana sesungguhnya Allah S.W.T itu maha pengampun lagi maha penyayang. (Siti Khadijah Ismail, Ridwan Ahmad, Khairul Afnan Khalid, 2016)

Berdasarkan fasa-fasa penjagaan keatas wanita mengandung semasa bersalin dipanggil kelahiran *intrapartum* iaitu melibatkan dua kelahiran bayi yang berbeza iaitu melalui kelahiran secara normal *vagina* dan kelahiran secara pembedahan *caesaraean*. Jenis kelahiran bayi ini bergantung kepada keadaan bayi dalam kandungan. Biasanya kelahiran bayi yang bermasalah dikesan melalui pemeriksaan daripada doktor seperti pemeriksaan punggung, pemeriksaan darah, pemeriksaan jaringan janin, melalui *Ultrasound Sonography Test (USG)* iaitu pemeriksaan melalui scan yang menggunakan gelombang suara frekuensi tinggi yang dipancarkan daripada kristal bergetar dalam scanner genggam dengan tujuan untuk mempelajari struktur tubuh internal dan MRI iaitu pemeriksaan dengan menggunakan perlengkapan *magnetic resonance* imej yang berfungsi untuk melihat konduksi rahim dan gambar janin yang lengkap dan jelas contohnya untuk melihat plasenta pada rahim pesakit. Pemeriksaan ini jelas membantu doktor mengesan masalah kelahiran bayi.(Portal Heal at Home, Ultrasound Sonography Test USG)

Berdasarkan kenyataan tersebut, secara jelas prosedur pemeriksaan doktor dilakukan bagi memastikan keadaan pesakit dalam keadaan selamat dan melalui prosedur tersebut faktor pemakaian wanita mengandung juga direka dengan memberi kemudahan kepada doktor dan kaki tangan hospital untuk mengakses pakaian tersebut. Oleh yang demikian, prosedur doktor terhadap pemeriksaan kesihatan untuk wanita mengandung mempengaruhi reka bentuk pakaian untuk wanita mengandung sebagai contohnya inovasi pakaian yang direka untuk wanita Islam yang mementingkan penjagaan aurat seperti penciptaan seluar mengandung di bawah penjanamaan

'Mamapride' untuk wanita yang mementingkan penjagaan aurat telah dihasil dan dikeluarkan oleh Koperasi Amal Medik Malaysia Berhad selain itu penciptaan pakaian yang mesra Muslimah juga telah dikeluarkan melalui penjenamaan 'Materna Pants' iaitu yang dihasilkan oleh Jabatan Obstetrik dan Genologi di hospital Kemaman, Terengganu( BHplus Materna Pants, 5 Jun 2016). Inovasi pakaian tersebut telah mendapat sambutan yang baik dan telah diuji tahap inovasinya di hospital yang terkemuka di Malaysia. Selain itu, inovasi pakaian tersebut direka bagi menunjukkan keprihatinan terhadap keperluan wanita yang ingin memaksimumkan pendedahan aurat.

## **2.1 Reka Bentuk Pakaian Hospital Ibu Mengandung.**

Pemakaian hospital untuk pesakit atau dipanggil sebagai pakaian materniti (maternity garment) iaitu sut atau pakaian yang dipakai semasa berada di wad materiti dan semasa melahirkan anak. Di Malaysia, reka bentuk pakaian hospital direka berbeza iaitu daripada segi warna dan fungsi pakaian serta bergantung kepada hospital kerajaan dan hospital swasta. Penggunaan pakaian ini memberikan kemudahan dan keselesaan kepada pengguna semasa kelahiran bayi serta mewujudkan identiti sesebuah pusat kesihatan kepada pengguna. Berdasarkan penyelidikan, reka bentuk pakaian pesakit untuk ibu mengandung berbeza mengikut fasa-fasa kelahiran bayi iaitu sebelum, semasa dan selepas kelahiran bayi. Kenyataan ini disesuaikan mengikut keadaan pesakit yang menghadapi situasi kesakitan yang berbeza sepanjang tempoh kelahiran bayi.

Reka bentuk pakaian hospital untuk ibu mengandung meliputi kepada pakaian sebelum, semasa dan selepas bersalin. Reka bentuk pakaian ini direka dengan memenuhi kriteria ibu mengandung supaya pakaian ini memberi keselesaan dan memudahkan pakaian tersebut dipakai. Menerusi reka

bentuk pakaian ibu mengandung yang terkini seperti pakaian mengandung sebelum bersalin dipanggil pakaian hospital ampelanateal *ampelanately*, manakala pakaian semasa bersalin dipanggil gaun delivery dan pakaian selepas bersalin dipanggil mantelity dress. Pakaian tersebut direka mempunyai fungsi yang sesuai bagi keadaan wanita mengandung semasa berada di situasi tersebut.

Pemakaian materniti atau pakaian hospital ibu mengandung direka dengan memenuhi kriteria ibu mengandung sebagai contoh pakaian sebelum bersalin iaitu ampelanateal disesuaikan bagi wanita yang berada di tempoh kehamilan bayi iaitu pengguna mengalami pembesaran perut ataupun peningkatan berat badan. pakaian tersebut, direka dengan saiz yang besar atau longgar bagi memudahkan pergerakan dan memberi keselesaan kepada ibu mengandung. Seterusnya, gaun delivery disesuaikan untuk wanita yang hendak bersalin yang dibawa ke bilik bersalin (*labor room*). Biasanya penggunaan reka bentuk gaun disesuaikan untuk wanita yang akan bersalin kerana pakaian tersebut mudah dipakai dan disarungkan dengan cepat serta memudahkan prosedur kaki tangan hospital di bilik bersalin. Pemakaian gaun disesuaikan semasa melahirkan bayi kerana memudahkan prosedur kaki tangan hospital untuk membuat pemeriksaan serviks serta proses jahitan setelah kelahiran bayi. Selanjutnya, reka bentuk pakaian hospital ibu mengandung selepas kelahiran bayi dipanggil mentality dress. Pakaian ini disesuaikan buat wanita yang selepas bersalin yang menyusukan bayi dan mengalami pemeriksaan kesihatan secara sampingan oleh kaki tangan hospital. Sememangnya situasi wanita selepas bersalin dalam keadaan penat dan masih berada dalam kesakitan memerlukan pakaian yang selesa serta tidak memberi bebanan kepada pengguna.




Figura 2.1.1 menunjukkan reka bentuk pakaian materniti untuk wanita mengandung di hospital Sumber: Amazon.com

## 2.2 Fungsi Pakaian Hospital Ibu Mengandung

Penekanan fungsi terhadap pemakaian dalam sektor hospital mempunyai kepentingan dalam bidang perubatan. Sebagai contoh pakaian seperti gaun, apron, dan sarung tangan pesakit dipanggil pakaian perubatan yang mempunyai fungsi utama kepada perlindungan daripada sebarang cecair badan, kuman dan sebagainya. Menerusi bidang obstetrik dan ginekologi, kepentingan fungsi dapat dilihat semasa proses kelahiran iaitu proses pemeriksaan organ kewanitaan iaitu pemeriksaan serviks. Seterusnya, proses episiotomi dilakukan iaitu prosedur yang memotong sebahagian otot dan tisu perineum untuk menjadikan jalan keluar bayi besar dan memudahkan kelahiran. Selain itu, suntikan syntometrine dilakukan untuk membantu pengecutan rahim dan placenta yang akan dikeluarkan sendiri. Proses-proses ini melibatkan fungsi yang penting semasa proses kelahiran fasa kelahiran aktif. Kepentingan fungsi dalam setiap pakaian juga mempunyai nilai dalam daripada segi estetik kepada perlindungan yang asas kepada setiap pengguna. Dalam bidang perubatan, fungsi kepada pakaian khususnya kepada pesakit sangat penting lebih-lebih lagi adalah

untuk memberi perlindungan kepada pesakit sebagai contohnya menerusi penciptaan seluar bersalin Mamapride yang direka untuk wanita Muslimah yang melahirkan bayi mempunyai fungsi yang direka khas iaitu di ruang perineum merupakan salah satu ruang yang terdedah iaitu di bahagian vagina yang memudahkan prosedur doktor untuk menyambut kelahiran bayi dan membuat pemeriksaan serviks. Penekanan fungsi kepada bahagian perineum sangat penting kepada wanita yang melahirkan bayi secara normal kerana melibatkan pemotongan episiotomi pada bahagian vagina wanita.

Pemakaian hospital kepada pesakit mempunyai fungsi yang sesuai dan berbeza mengikut jenis penyakit kepada pesakit. Perbezaan kepada fungsi pada pakaian pesakit dibuat melalui penyelidikan terhadap keadaan pesakit supaya memberi perlindungan dan memberi keselesaan kepada pesakit. Berdasarkan pemakaian hospital untuk ibu mengandung adalah dirujuk dengan keadaan wanita sepanjang tempoh kehamilan sehinggalah kelahiran bayi. Fungsi pakaian hospital dirujuk melalui penggunaan tali, butang, getah dan pemilihan kain. Fungsi ini disesuaikan dengan keadaan pesakit supaya dapat membantu meringankan kesakitan kepada pesakit. Penggunaan fungsi pada pakaian ini menjadi kemudahan kepada penggunaan bahagian bukaan pada pakaian sebagai contohnya pada bahagian abdomen badan dan belakang pakaian pesakit.

Fungsi dalam pemakaian hospital khususnya kepada ibu mengandung semasa kelahiran bayi dilihat melalui keperluan semasa melahirkan bayi di mana pakaian tersebut mudah untuk dipakaikan kerana keadaan pengguna yang menanggung kesakitan memerlukan kepantasan dalam pemakaian pakaian tersebut. Berdasarkan kenyataan tersebut, pemakaian gaun hospital *delivery dress* digunakan semasa berada di dalam bilik pembedahan bagi ibu mengandung semasa bersalin sebagai inisiatif yang memudahkan prosedur doktor dan kaki tangan hospital dan kepada pengguna